

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

PENGGUNA MONOREL KINI BOLEH NIKMATI KEMUDAHAN LIF SECARA BERPERINGKAT

KUALA LUMPUR, 18 Mei 2025 - Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail) selaku pengendali perkhidmatan Monorel ingin memaklumkan bahawa lapan (8) unit lif di lima (5) stesen Monorel kini beroperasi sepenuhnya selepas menjalani proses penaiktarafan termasuk pemeriksaan dan pematuhan terhadap peraturan keselamatan daripada pihak agensi kerajaan yang berkaitan.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Rapid Rail untuk meningkatkan keselesaan serta aksesibiliti pengguna, khususnya golongan warga emas, orang kurang upaya (OKU), serta keluarga yang membawa anak kecil atau menggunakan kereta sorong bayi.

Sebanyak lapan (8) lif kini beroperasi sepenuhnya di stesen-stesen berikut: -

Stesen	Jumlah Lif Yang Beroperasi
Stesen Hang Tuah	1
Stesen Imbi	2
Stesen Maharajalela	2
Stesen Medan Tuanku	2
Stesen Raja Chulan	1

Manakala baki lapan (8) unit lif termasuk satu (1) unit eskalator di enam (6) stesen berikutnya kini sedang menjalani fasa akhir ujian pentauliahan serta pengeluaran permit mesin angkat, dan dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir Mei 2025.

Penaiktarafan ini merupakan sebahagian daripada peruntukan berjumlah RM12.6 juta yang melibatkan pelbagai inisiatif penambahbaikan di kesemua sebelas (11) stesen Monorel, termasuk pemasangan sistem pintu platform automatik dan lif platform untuk kerusi roda yang telah mula beroperasi sejak Disember 2024 serta kerja-kerja pembaikan lif dan eskalator.

Perkhidmatan Monorel telah mencatatkan purata jumlah penumpang harian sebanyak 52,000 pada tahun 2023 dengan peningkatan sebanyak 8% kepada 57,000 penumpang harian pada tahun 2024. Peningkatan ini menandakan pemulihan yang berterusan serta pertumbuhan positif dalam penggunaan pengangkutan awam di ibu

kota. Ia turut menunjukkan keyakinan pengguna yang semakin meningkat dan Monorel kembali menjadi pilihan utama warga kota untuk perjalanan harian mereka.

Dengan jumlah penumpang yang terus meningkat, kemudahan lif yang mesra pengguna amat penting bagi memastikan pergerakan penumpang di stesen berjalan lancar serta memberi pengalaman perjalanan yang lebih selesa dan selamat untuk semua.

“Kami amat berharap agar kemudahan lif yang telah disediakan ini dapat dimanfaatkan sebaiknya dengan keutamaan diberikan kepada golongan yang memerlukan. Rapid Rail akan terus komited dalam memastikan sistem pengangkutan awam yang efisien, mudah diakses, dan inklusif untuk semua,” kata Amir Hamdan, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan (Operasi), Prasarana Malaysia Berhad

Rapid Rail juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pengguna atas sokongan yang berterusan. Sebarang pandangan dan cadangan amat dialu-alukan bagi membantu kami terus menambah baik mutu perkhidmatan pada masa hadapan.

Sekiranya penumpang menghadapi sebarang isu berkaitan kemudahan atau perkhidmatan, mereka digalakkan untuk menghubungi atau menghantar mesej ke talian khidmat pelanggan Rapid KL di 03-7885 2585 bagi tindakan segera.

TAMAT

Dikeluarkan oleh Rapid Rail Sdn Bhd.

